



**PEJABAT STRATEGI KORPORAT DAN KOMUNIKASI**  
CORPORATE STRATEGY AND COMMUNICATIONS OFFICE

Ruj. Kami : UPM/100-2/1/10  
Tarikh : 19 Februari 2019

**SENARAI EDARAN SEPERTI DILAMPIRAN,**

YBhg. Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan,

**PENGGUNAAN TEMPLAT REKABENTUK RASMI UNIVERSITI PUTRA  
MALAYSIA (UPM) BAGI BAHAN PUBLISITI**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan, Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CoSComm) UPM mendapati masih lagi terdapat PTJ yang tidak menggunakan templat rekabentuk rasmi UPM bagi bahan publisiti yang digunakan. Ini secara tidak langsung boleh menjejaskan usaha dalam membentuk imej serta keseragaman penjenamaan UPM seperti yang dihasratkan oleh universiti.

3. Oleh yang demikian, bersama ini kami majukan templat rekabentuk rasmi UPM serta kandungan wajib yang perlu ada pada bahan publisiti untuk rujukan dan tindakan pihak YBhg. Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan seterusnya mohon hebahkan kepada warga PTJ mengenai penggunaan templat ini pada masa akan datang. (Salinan lembut kandungan wajib pada rekabentuk bahan publisiti akan diemelkan kepada pihak YBhg. Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan)

4. Kerjasama dan sokongan daripada pihak YBhg. Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah diharapkan bagi membantu pelaksanaan dan pemantauan perancangan strategi komunikasi UPM dengan lebih berkesan. **Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan Puan Siti Noordelila Abd. Karim (03-97696003) / Puan Khairul Ziana Kinainah (03-97696009).**

Sekian, terima kasih.

**"BERILMU BERBAKTI"**

Yang menjalankan tugas,

**PROF. DR. RUSEA GO**

Timbalan Pengarah

Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CoSComm)

s.k :

- Naib Canselor, UPM
- Pengarah, CoSComm
- Ketua, Bahagian Perhubungan Korporat, CoSComm